

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]
TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)
SOALAN : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:- adakah Kementerian berhasrat untuk menaik taraf pusat-pusat latihan pertanian ke taraf kolej universiti, bagi menambahkan lagi tenaga mahir dalam bidang pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) pada masa ini menyelia dan menyelaras 13 buah Pusat Bertauliah yang mengkhusus dalam bidang Latihan Kemahiran Pertanian tahap 1 hingga 4. NATC akan menambah lagi kapasiti pusat-pusat bertauliah baru bagi meningkatkan pengambilan pelatih-pelatih kemahiran pertanian.

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak bercadang untuk menaiktaraf pusat-pusat latihan Kementerian ke taraf Kolej Universiti. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang bercadang untuk mewujudkan Kolej Universiti dimana Kolej Pertanian Malaysia sedia ada akan menjadi Kolej Universiti bagi mengeluarkan tenaga kerja mahir dan tenaga kerja profesional dalam sektor pertanian negara.